

KOS DAN BAYARAN HAJI KEKAL, BANTUAN KEWANGAN HAJI DITERUSKAN

TH Bakal Menanggung Lebih RM210 Juta Bantuan Kewangan Haji Bagi Musim Haji 1447H/2026M

KUALA LUMPUR, 22 OKTOBER 2025 – Lembaga Tabung Haji (**TH**), institusi haji negara, berjaya mengawal peningkatan kos dan mengumumkan bahawa Kos Haji dan kadar Bayaran Haji bagi jemaah Muassasah dikekalkan untuk musim haji 1447H/2026M, sama seperti musim haji yang lalu.

Kos untuk menunaikan ibadat haji bagi jemaah Muassasah tidak meningkat bagi tiga tahun berturut-turut dan ini dapat dicapai walaupun berdepan dengan persekitaran kos di Tanah Suci yang terus meningkat. Kos keseluruhan untuk menunaikan haji musim haji 1447H/2026M dikekalkan pada kadar RM33,300 untuk seorang jemaah Muassasah.

TH turut mengumumkan Bayaran Haji kekal untuk semua kumpulan dan pada masa yang sama masih menanggung Bantuan Kewangan Haji:

KUMPULAN	BAYARAN (RM)	%	BANTUAN (RM)	%
B40	15,000	45%	18,300*	55%
M40	23,500	71%	9,800	29%
T20	33,300	100%	-	-

***termasuk bantuan Kerajaan RM1,000 seorang jemaah**

Bagi meringankan beban kewangan bakal jemaah haji negara kumpulan yang layak, **TH** dianggarkan bakal menanggung RM210 juta Bantuan Kewangan Haji bagi musim haji 1447H/2026M.

“**TH** berkeyakinan dapat terus memberikan tahap perkhidmatan yang cemerlang. Kami berbangga dengan pencapaian anugerah “Diamond Award” Labaytum pada musim lepas yang turut mengharumkan nama Malaysia dan kami akan berusaha untuk terus mengekalkan tahap perkhidmatan tinggi yang sentiasa diharapkan,” kata Pengerusi Tan Sri Abdul Rashid Hussain.

"Bagi musim haji 1447H/2026M, kami telah membuat persediaan untuk menetapkan Kos dan Bayaran Haji lebih awal. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri Malaysia atas sokongan beliau terhadap usaha kami. Kami juga amat berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana mengekalkan bantuan RM1,000 bagi setiap jemaah B40," tambah beliau.

"**TH** telah dapat mengekalkan Kos Haji melalui langkah strategik melibatkan tempahan awal dan kontrak penyewaan jangka panjang bangunan penginapan untuk melindungi jemaah haji daripada kesan inflasi di Makkah dan Madinah. Beberapa bangunan penginapan yang baharu dengan kemudahan moden telah dikenalpasti untuk memberi lebih keselesaan kepada jemaah haji. Disamping itu, **TH** juga telah memeterai kontrak penerbangan selama lima tahun bagi mengawal daripada ketidaktentuan harga," kata Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, Mustakim Mohamad.

Sejak Bantuan Kewangan Haji diperkenalkan pada 2001, jumlah terkumpul Bantuan Kewangan Haji yang ditanggung oleh **TH** telah mencecah lebih RM2.72 bilion dalam tempoh 25 tahun.

Bantuan Kewangan Haji Secara Bersasar Selari Konsep Istito'ah

Sejak 2022, **TH** telah memperkenalkan kadar Bantuan Kewangan Haji secara bersasar ke arah memenuhi konsep kemampuan dalam menunaikan ibadah haji (istito'ah) dan bagi membantu kelestarian kewangan **TH** demi memelihara kepentingan pendeposit. Ia juga selari dengan pendekatan Kerajaan bagi membantu mereka yang memerlukan.

Bagi jemaah haji Muassasah kumpulan B40 yang menerima bantuan Kerajaan seperti Sumbangan Tunai Rahmah, kadar Bayaran Haji yang dikenakan hanyalah 45% daripada Kos Haji penuh selepas mengambil kira Bantuan Kewangan Haji daripada **TH** sebanyak RM17,300 dan bantuan Kerajaan Madani sebanyak RM1,000 seorang. Bantuan dari **TH** dan Kerajaan Madani adalah lebih separuh (iaitu 55 peratus) daripada Kos Haji.

Bakal haji Muassasah kumpulan M40 pula akan menerima Bantuan Kewangan Haji daripada **TH** berjumlah RM9,800 seorang atau 29 peratus daripada Kos Haji keseluruhan.

Jemaah Muassasah kumpulan T20 yang berpendapatan individu sekurang-kurangnya RM15,000 sebulan, perlu menjelaskan bayaran penuh haji sebanyak RM33,300 seorang.

Surat tawaran haji kepada 31,600 bakal jemaah bagi musim haji 1447H/2026M akan mula dikeluarkan secara berperingkat mulai **24 Oktober 2025**. Bagi mereka yang tidak menerima surat tawaran kerana belum tiba giliran, **TH** akan membuka peluang merayu bermula **3 November 2025** melalui platform THiJARI. **TH** mengambil kira beberapa kriteria dalam memproses rayuan yang diterima, diantaranya:

- Tempoh pendaftaran haji.
- Umur.
- Purata baki simpanan di **TH**.
- Ke kerap an permohonan rayuan.

Bakal haji diingatkan untuk mencukupkan simpanan di **TH** sekurang-kurangnya kepada RM15,000 bagi melayakkan diri untuk menerima tawaran haji atau dalam membuat permohonan rayuan haji, selain perlu lulus pemeriksaan kesihatan.

TH menasihatkan bakal jemaah untuk segera mengemaskini maklumat peribadi agar tidak terlepas dari peluang menunaikan haji dan memeriksa giliran melalui saluran digital THiJARI atau hadir ke cawangan terdekat.

TH juga menganjurkan Kursus Asas Haji di lebih 200 buah masjid di seluruh negara, bermula dari 3 Oktober 2025, bagi membantu bakal haji mempersiapkan diri dengan ilmu yang cukup untuk menunaikan ibadat haji.

-TAMAT-

PERINCIAN BAYARAN DAN BANTUAN KEWANGAN HAJI

KOS HAJI 1447H/2026M

RM33,300

KOS HAJI 1446H/2025M: RM33,300

